

OBOR-obor dalam jumlah yang besar dilihat di sepanjang pantai di negara haram Israel.  
FOTO Reuters



# Obor-obor 'serang' pantai Israel

Hm 29/7/2022 ms:37

**Baitulmaqdis:** Obor-obor dalam jumlah yang besar dilihat di sepanjang pantai di negara haram Israel.

Ia menyebabkan orang ramai menghindari daripada mandi di kawasan perairan yang terjejas.

Situasi itu juga memberi amaran bahaya mengenai ketidakseimbangan ekologi

kerana perubahan iklim.

Masalah itu dilaporkan menyebabkan sektor pelancongan kerugian AS\$10 juta (RM44.55 juta) setahun.

Selain itu, ia memberi ancaman apabila hidupan berakenaan mungkin akan tersumbat di dalam loji nyahmasin air laut yang menjadi sumber air bersih bagi pen-

duduk Israel.

Pada masa sama, populasi obor-obor dalam jumlah yang besar juga menjadikan industri perikanan.

Seorang renjer marin, Guy Lavian berkata, air laut menjadi semakin panas dan dapat dilihat, ada jumlah obor-obor yang banyak.

"Ia boleh menyebabkan

banyak kerosakan. Anda pasti boleh mengatakan bahawa pemanasan global menyumbang kepada (jumlah obor-obor yang banyak) ini," katanya.

Obor-obor gemarkan suhu lebih panas dan akan ber rebut dengan hidupan marin lain untuk sumber makanan.